

PELUANG KERJAJAYA



Kami sedang mencari individu untuk menyertai perkhidmatan awam yang mempunyai ciri-ciri keperibadian berikut:

- Keterampilan yang baik;
- Semangat yang tinggi dalam bekerja secara berkumpulan;
- Bakat kepimpinan;
- Ciri-ciri jati diri yang cemerlang; dan
- Kelayakan profesionalisme yang sesuai dengan jawatan.



SPM
KUMPULAN
PELAKSANA



**PEMBANTU KEMAHIRAN
GRED H19**

**KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA
(SEMENANJUNG)**

Kekosongan : 152

Simpanan : 150

1. Syarat Lantikan

- (i) Memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek **Bahasa Melayu** pada peringkat **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- (ii) **Sijil Vokasional Malaysia (SVM)*** dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan; atau
- (iii) **SPM** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta **Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2**** dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
- (iv) **SPM** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta **Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tunggal** yang dikeluarkan oleh **Suruhanjaya Tenaga** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- (v) **SPM** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta **SKM Tahap 3***** dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
- (vi) **SPM** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta **Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tiga** yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Syarat Lantikan

*Bidang SVM

- (i) Teknologi Elektrik
- (ii) Teknologi Elektronik
- (iii) Teknologi Kimpalan
- (iv) Teknologi Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara
- (v) Teknologi Pemprosesan Kayu dan Kemasan

**Bidang SKM Tahap 2

- (i) Jurubina Bangunan
- (ii) Jurukerja Paip
- (iii) Tukang Paip dan Kumbahan
- (iv) Juruteknik Elektrik
- (v) Pemasangan dan Penyelenggaraan Elektrik - Satu Fasa

***Bidang SKM Tahap 3

- (i) Penyelia Binaan Bangunan
- (ii) Juruteknik Kerja Paip
- (iii) Penyelia Paip dan Kumbahan
- (iv) Juruteknik Elektrik Kanan
- (v) Pemasangan dan Penyelenggaraan Elektrik – Tiga Fasa

2. Maklumat Syarat Lantikan

Maklumat syarat lantikan/ gaji/ tugas-tugas jawatan di pautan berikut :
<https://www.spa.gov.my/spa/laman-utama/gaji-syarat-lantikan-deskripsi-tugas/spm-svm-skm-sijil/pembantu-kemahiran-gred-h19>

Calon yang berminat dan memenuhi syarat yang ditetapkan hendaklah memohon secara dalam talian melalui Portal Rasmi Sistem Pendaftaran Pekerjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA9): <https://spa9.spa.gov.my>. Calon yang telah mendaftarkan permohonan bagi jawatan di atas **tidak perlu mendaftar semula sekiranya permohonan masih dalam tempoh sah laku pada tarikh tutup iklan.** Walau bagaimanapun, calon perlu memastikan pusat temu duga dikemas kini pada atau sebelum tarikh tutup iklan. Hanya permohonan calon yang **diterima sebelum atau pada tarikh tutup iklan akan diproses.** Tarikh tutup permohonan bagi urusan pengambilan ini adalah sebelum atau pada **1 Ogos 2021 (Ahad), jam 11.59 malam.**

MOHONLAH SECARA *ONLINE* DI



<https://spa9.spa.gov.my/>



SPAMalaysia.gov



SPAMalaysia_gov



spa.malaysia



SPAJPM